

Kebolehan kerajaan terbukti: Mahathir

B.H. 30 OCT 1993

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan Belanjawan Negara 1994 amat baik kerana kebolehan kerajaan untuk menseimbangkan di antara pendapatan dan keperluan dalam perbelanjaan.

Perdana Menteri berkata, dengan mengambil kira perbelanjaan pembangunan yang agak besar berjumlah, iaitu kira-kira RM13.850 bilion, kedudukan pendapatan dan perbelanjaan berjaya diseimbangkan dalam belanjawan itu.

Menurutnya, langkah menurunkan pelbagai

bentuk cukai dan memperkenalkan insentif pelaburan, termasuk mengeluarkan 60,000 orang daripada senarai pembayar cukai pendapatan, adalah satu prestasi yang baik.

Dr Mahathir berkata, langkah itu bertujuan untuk mengambil kira kedudukan golongan yang berpendapatan rendah.

“Umumnya kita boleh berpuashati dengan belanjawan ini, tetapi seperti biasa semua orang akan sambut baik dalam tempoh sehari dua ini... masuk hari ketiga mereka akan jumpa kecacatan.

“Lagi lama ditunggu

lagi banyak (kecacatan) yang akan dijumpai, terutama bagi orang yang memang mencari yang cacat. Kalau kita ikut hidung kita, kita selalu jumpa yang busuk sahaja,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika diminta mengulas Belanjawan Negara 1994 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Dewan Rakyat, petang ini.

Dr Mahathir berkata, walaupun banyak cukai dikurangkan, kerajaan yakin prestasi ekonomi negara akan terus me-

ningkat dan hasil kutipan cukai akan terus meningkat.

Ditanya mengenai langkah penurunan dan pengecualian cukai itu menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung kerugian dalam hasil pendapatan negara, Perdana Menteri berkata, kerajaan yakin walaupun cukai yang dikenakan rendah, jumlah cukai akan terus meningkat.

“Saya ingin ulangi apa yang diingatkan oleh Menteri Kewangan, iaitu walaupun prestasi kita baik, tetapi kalau tidak

LIHAT MUKA 4

Imbuhan sebagai tunaikan janji

DARI MUKA 1

berhati-hati, tidak menjaga perbelanjaan dan menguruskan perbelanjaan dengan cekap, mungkin prestasi kita akan menurun," katanya.

Ditanya langkah kerajaan memperkenalkan imbuhan tahunan setengah bulan gaji kepada kira-kira 850,000 kakitangan kerajaan mengikut Sistem Saraan Baru (SSB), Dr Mahathir berkata, ia adalah sebagai menunaikan janji kerajaan sebagai menghargai sumbangan mereka terhadap pengurusan dan pentadbiran kerajaan.

"Apabila kita swastakan beberapa jabatan kerajaan, jabatan yang tidak diswastakan tentulah tidak mendapat nikmat secara terus daripada penswastakan," katanya.

Perdana Menteri berkata, kakitangan dalam jabatan yang diswastakan menikmati pelbagai kemudahan seperti membeli saham, gaji yang meningkat dan bonus, sedangkan kakitangan yang tidak terbabit dalam penswastakan tidak menerima apa-apa ganjaran.

Beliau juga ditanya sikap murah hati kerajaan dalam mengeluarkan perbelanjaan yang agak besar terhadap kakitangan kerajaan itu.

Dr Mahathir berkata, ia adalah kerana kerajaan mempunyai kemampuan untuk berbuat demikian.

"Ini juga janji kita kepada Cuepacs apabila kerajaan menswastakan beberapa jabatan kerajaan," katanya.

Diminta mengulas mengenai perbelanjaan pembangunan infrastruktur, Perdana Menteri berkata, lazimnya pertumbuhan ekonomi yang pesat disusuli dengan fenomena 'over heating'.